

607
NO SOALAN :51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
(BUKIT BENDERA)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 15.03.2018

Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan dapat mempertimbangkan pengecualian cukai GST utk peralatan bomba dan bomba sukarela.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengecualikan peralatan bomba dan bomba sukarela daripada dikenakan GST. Secara asasnya, sistem GST di Malaysia menetapkan hanya barang dan perkhidmatan asas yang lazim digunakan oleh majoriti rakyat tidak dikenakan GST. Ini termasuklah pelbagai makanan asas, perkhidmatan utiliti seperti air dan elektrik, ubat-

ubatan, bahan bacaan termasuk buku-buku sekolah, sewaan dan pembelian rumah kediaman serta pengangkutan awam. Pendekatan ini selaras dengan matlamat untuk memastikan kesan GST adalah minima demi menjaga kepentingan golongan berpendapatan rendah. Dalam konteks pembelian peralatan bomba oleh mana-mana orang berdaftar GST dan bomba sukarela yang juga layak sebagai orang berdaftar GST, secara amnya, perbelanjaan adalah dibuat secara *one-off* di peringkat permulaan operasinya sahaja dan dengan itu tertakluk kepada pembayaran GST sebagaimana pengguna selainnya.

109

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG
GANDUM [JULAU]**

TARIKH : 15.3.2018 (KHAMIS)

SOALAN : 52

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan mengapa projek bekalan air luar bandar fasa 2 di Daerah Pakan, Sarawak masih belum bermula.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, projek ini telah disenaraikan di dalam RMKe-11. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah bergantung kepada senarai keutamaan Unit Perancang Negeri (SPU) Sarawak sebelum dipertimbangkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk kelulusan. Selain itu, syarat keperluan skop dan kriteria program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) perlu dipatuhi bagi membolehkan projek-projek yang dicadangkan dapat dilaksanakan di bawah Program BALB.